



Projek tebatan banjir dibantah

Penduduk tidak sokong cadangan pembinaan di tanah perkuburan, sekolah agama

MOHD NAZIRUL RAMLI

SEGAMAT - Sekumpulan penduduk membuat bantahan aman di hadapan Sekolah Agama Kampung Jawa, di sini seawal jam 9 pagi, untuk membantah cadangan projek tebatan banjir yang didakwa akan dilakukan sama ada di kawasan sekolah agama terbabit atau tanah perkuburan berhampiran.

Ahli Parlimen Sekijang, Datuk Baharum Mohamed berkata, perkara itu sememangnya sedia maklum tetapi tentang pembayaran tanah serta beberapa tempat yang akan dilaksanakan projek terbabit tidak dimaklumkan lagi.

"Pada awalnya dicadangkan untuk mengambil tanah di bahagian Sekolah Agama Kampung Jawa atau tanah perkuburan, namun perkara ini awal-awal lagi tidak diper-

setujui oleh semua penduduk di sini.

"Perkara ini bukan sahaja perlu dilihat dari aspek fizikal, tetapi aspek kemanusiaan juga diambil berat bila kita terpaksa menggunakan tanah perkuburan orang Islam untuk pembinaan projek tambahan banjir," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, pihaknya difahamkan oleh penduduk pada Khamis lalu bahawa pihak perunding telah turun melihat tempat cadangan penduduk untuk dialihkan laluan air ini ke Logah dan perkara itu masih lagi menanti keputusan.

Baharum juga berharap penduduk bersabar sementara menanti simulasi yang akan diberikan kepadanya tentang projek ini setelah beberapa aspek dikaji dari segi laluan air, peruntukan dan sebagainya.

"Perjalanan projek ini semuanya masih lagi dalam perbincangan daripada beberapa pihak sebelum ianya dilaksanakan. Kita akan maklumkan kepada penduduk tentang perkembangan terbaru sementara menanti hasil pemerhatian yang dilakukan nanti selesai sepenuhnya.

"Memorandum yang diserahkan kepada saya akan disampaikan kepada Perdana Menteri dalam masa terdekat. Kita yakin Perdana Menteri juga amat memahami situasi yang kita alami," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Jawa Hassan Sitam berkata, penduduk tidak membantah pembangunan malah, menyokong pembangunan itu demi kebaikan bersama semua penduduk di kawasan itu.

"Kami menyokong pembangunan tetapi tidak me-



Baharum (kanan) menerima memorandum daripada wakil penduduk, Hassan.

nyokong sekiranya pembangunan laluan air itu dilaksanakan sehingga menjejaskan tanah perkuburan Islam serta Sekolah Agama Kampung Jawa yang berada di

sebelah Masjid Kampung Jawa ini," katanya.

Sebanyak RM231 juta telah diperuntukkan untuk projek penempatan banjir bagi daerah Segamat dan untuk

melaksanakan projek di Kampung Jawa itu menelan belanja lingkungan RM50 juta hingga RM60 juta termasuk pembayaran pengambilan tanah dan sebagainya.